



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat
Siri 5/ 2023 (Bulan Mei Tahun 2023)

Tarikh	Tajuk	Bil
5 Mei 2023M/ 14 Syawal 1444H	Ketukan Pintu Syurga Dari Pendosa	1.
12 Mei 2023M/ 21 Syawal 1444H	Khutbah Hari Guru: “Guru Insani: Pemangkin Generasi Madani”	2.
19 Mei 2023M/ 28 Syawal 1444H	Khutbah Hari Ibu: “Santuni Ibumu”	3.
26 Mei 2023M/ 6 Zulkaedah 1444H	Demi Masa, Beruntungkah Kita?	4.
Khutbah Kedua Bulan Mei		

دبیایاء:



زكاة فولاو فينغ

دتریبیتکن:



جابتن حال إحوال اکام اسلام
فولاو فينغ

Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Demi Masa: Beruntungkah Kita?

(26 Mei 2023M/ 6 Zulkaedah 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، أَمَرَ بِالْمُسَارَعَةِ إِلَى الْخَيْرَاتِ، وَمُبَادَرَةِ الْوَقْتِ قَبْلَ
الْفَوَاتِ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ فِي رُبُوبِيَّتِهِ وَكَمَالَتِهِ مِنَ الْأَسْمَاءِ
وَالصِّفَاتِ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَوَّلُ مُبَادِرٍ إِلَى الْخَيْرَاتِ وَالْقُرْبَاتِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ، وَأَصْحَابِهِ ذَوِي الْمَنَاقِبِ
وَالْكَرَامَاتِ، وَسَلَّم تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، وَأَحْرِصُوا عَلَى أَوْقَاتِكُمْ قَبْلَ حُلُولِ آجَالِكُمْ،
وَبَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ الصَّالِحَةِ فِي حَيَاتِكُمْ قَبْلَ مَمَاتِكُمْ.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Bertakwalah kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan melaksanakan segala amalan yang mendekatkan diri kita kepada-Nya. Lakukanlah ia dengan bersungguh-sungguh sehingga akhir hayat kita dalam keadaan istiqamah dengan iman dan taqwa.



Marilah kita tumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang merosakkan ganjaran pahala Jumaat kita. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika, janganlah menggerakkan tabung kutipan Jumaat ketika khatib sedang berkhotbah. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesannya. Khutbah kita pada minggu ini bertajuk: **“Demi Masa: Beruntungkah Kita?”**

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH,

Kehidupan manusia berjalan seiring dengan perubahan masa. Orang beriman dan beramal soleh merupakan orang yang beroleh keuntungan. Manakala mereka yang kufur dan pelaku maksiat berada dalam kerugian. Firman Allah dalam surah Al-Asr ayat 1-3:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝

Maksudnya: *“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”*

Imam Ibnu Kathir menyatakan masa adalah padanya berlaku pergerakan manusia sama ada ke arah kebaikan ataupun keburukan. Setiap manusia yang hidup di muka bumi ini diperuntukkan masa dan

waktu yang sama. Orang kaya atau miskin, orang bahagia atau sengsara, orang berjaya atau gagal berada dalam tempoh masa yang sama walaupun keadaan mereka berbeza. Apakah yang membezakan mereka? Sudah pasti ia berkait rapat dengan cara pengisian masa itu sendiri.

JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** SEKALIAN,

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah An-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۚ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka kerjakan.”

Alangkah indahnya hidup ini seandainya dipenuhi dengan keimanan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan amal-amal soleh. Maka hendaklah sentiasa merasai pengawasan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** terhadap segala tindakan kita. Baik atau buruk yang dilakukan pasti dibalas oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semasa berada di dunia dan diakhirat nanti. Dua perkara yang boleh kita semua amalkan, secara ringkasnya adalah:

Pertama: Mengeratkan hubungan dengan Allah iaitu dengan memperelokkan ibadah yang khusus seperti solat iaitu dengan mengerjakan solat lima waktu secara berjemaah di masjid. Begitu juga melazimi puasa sunat serta tidak melupakan ibadah-ibadah khusus yang lain.

Demikian juga ibadah umum iaitu meliputi semua urusan yang mengundang kasih sayang Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kedua: Menjaga hubungan dengan sesama manusia iaitu berusaha untuk membina hubungan baik sesama saudara, rakan taulan dan jiran tetangga. Tidak menyakiti perasaan mahupun tubuh badan mereka, membantu mereka yang memerlukan dan apa sahaja yang boleh mengeratkan ikatan silaturrahim dan ukhuwah.

Kita tidak akan mensia-siakan masa walau sedikit pun sekiranya benar-benar berpegang pada 5 perkara yang disebut dalam hadis berikut:

اِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ

وَعِثَّتَكَ قَبْلَ فُقْرِكَ وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ

Maksudnya: *“Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum datang masa tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum datangnya masa sempitmu (fakir). Masa lapangmu sebelum tiba masa sibukmu dan masa hidupmu sebelum tiba kematianmu.”* ﴿Hadis Riwayat Al-Hakim dan Al-Baihaqi﴾

SIDANG HADIRIN YANG DIHORMATI,



Kita sering melihat manusia dalam kehidupan sehari-hari melakukan pelbagai aktiviti.

Ada yang bekerja mencari rezeki, ada yang menghabiskan masa memenuhi hobi, secara berkumpulan ataupun bersendirian. Bagi mereka yang mencari rezeki didoakan agar beroleh rezeki yang diberkati melalui usaha yang diredhai.

Manakala bagi yang melakukan aktiviti-aktiviti untuk keseronokkan pula, perlu memastikan ia tidak hanya sekadar hiburan tetapi tetap berada di bawah urusan yang tidak mengundang kemurkaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Antara yang semakin tersebar luas dalam kalangan masyarakat pada hari ini adalah permainan (*game*). Pada asasnya segala bentuk permainan yang tidak ada unsur penyembahan, penipuan dan seumpamanya adalah diharuskan. Namun, sekiranya dilakukan secara berlebihan boleh mengundang masalah-masalah lain. Ia boleh mengundang akibat negatif seperti malas bekerja, hilang minat belajar, tidak menepati masa, menjejaskan kesihatan dan lebih parah lagi ada yang telah menyebabkan keruntuhan rumahtangga.

Kita biasa membaca rungutan sama ada daripada isteri dan juga suami yang mengadu di media sosial berkenaan kegilaan pasangan masing-masing bermain *game* secara dalam talian sehingga mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga. Justeru, hal ini wajar dielakkan sama sekali. Sebaliknya isilah masa dengan perkara-perkara yang berfaedah dan mengundang rahmat Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Sebuah hadis dari Abi Hurairah **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**, Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** bersabda:



الدُّنْيَا مَلْعُونَةٌ، مَلْعُونٌ مَا فِيهَا، إِلَّا ذِكْرُ اللَّهِ، وَمَا وَالَاهُ، وَعَالِمٌ، وَمُتَعَلِّمٌ.

Maksudnya: “Dunia serta isi kandungannya yang melalaikan adalah terkutuk melainkan zikirullah dan ibadah-ibadah yang mengiringi dan orang yang alim serta orang yang belajar.”

﴿Hadis Riwayat At Tirmizi﴾

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ mengajarkan kepada kita untuk mencari rahmat dan keredhaan Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى sepanjang kehidupan. Orang yang berzikir seperti dalam hadis yang dibacakan tadi diumpamakan juga seperti mereka yang taat kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam setiap urusan mereka di samping sentiasa mengingatinya.

Usah sesekali kita mengambil ringan soalan pengisian masa. Masa dan waktu itu diumpamakan dengan kehidupan kita. Kita bergerak atau diam, masa tetap berjalan.

SIDANG HADIRIN YANG BERBAHAGIA,

Mengakhiri khutbah, marilah bersama-sama kita beringat dan beramal dengan beberapa perkara berikut:

Pertama: Bersyukur kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan keimanan yang dianugerahkan sepanjang kehidupan ini.

Kedua: Lazimi amal soleh dengan ikhlas dan tingkatkan kesempurnaan amalan dengan ilmu yang benar.



Ketiga: Isilah masa dengan aktiviti yang berfaedah untuk dunia dan akhirat.

Keempat: Sentiasalah merasai pengawasan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kelima: Berdoalah semoga kita beroleh keuntungan dalam kehidupan di dunia ini dan kebahagiaan di akhirat nanti.

Firman Allah dalam surah At-Taubah Ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan) maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua Bulan Mei

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿٥٦﴾ [الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.



Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾